

**MIC Hadapi PRU13 Dengan Semangat Baharu**  
**Bernama**  
**24 April, 2013**  
**Oleh S. Chandravathani**

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- MIC akan menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) dengan harapan dan keazaman baharu untuk memastikan parti itu dan Barisan Nasional (BN) memperoleh kemenangan lebih besar.

Parti politik berusia 67 tahun ini berharap akan dapat bangun semula dengan lebih gagah setelah menerima penangan teruk pada pilihan raya umum 2008 apabila ia hanya memenangi tiga daripada sembilan kerusi parlimen dan tujuh daripada 18 kerusi negeri yang ditandinginya.

MIC mendapat semangat baharu ini berikutan keyakinan kepimpinan parti itu bahawa setelah mengalami pukulan teruk, parti itu menjadi lebih lantang dan mengamalkan pendirian tegas berhubung isu yang dianggap tidak adil bagi masyarakat India serta kejayaannya menyelesaikan banyak isu tertangguh berkaitan masyarakat tersebut.

Timbalan presiden MIC Datuk Seri Dr S. Subramaniam berkata keputusan PRU 2008 merupakan sesuatu yang amat pahit untuk ditelan parti itu dan sekali gus memberi pengajaran berguna kepadanya.

"MIC sudah membuat perancangan jangka panjang dan kami akan mengekalkan momentumnya serta semangat juang anggota parti hinggalah ke hari mengundi. Kami (MIC) sudah berubah dan melaksanakan tanggungjawab kami.

"Kami sudah menzahirkan suara hati kami dan semoga kerajaan mendengarnya dengan jelas serta bersungguh-sungguh. Kepimpinan baharu MIC komited untuk terus bersuara bagi pihak semua rakyat Malaysia," katanya dalam wawancara dengan Bernama baru-baru ini.

Mengenai persiapan parti itu menghadapi PRU13, Dr Subramaniam, yang akan ditentang pengerusi Parti Keadilan Rakyat (PKR) Johor Datuk Chua Jui Meng dalam pertandingan satu lawan satu bagi kerusi parlimen Segamat, berkata presiden MIC Datuk Seri G. Palanivel mengemukakan calon boleh menang.

"MIC juga berusaha dengan gigih untuk menarik sokongan daripada lebih ramai anggota masyarakat India. Kami mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa sokongan yang kami terima semakin meningkat sejak 2008. Ini akan membolehkan parti ini mencatat keputusan lebih baik berbanding pada pilihan raya lepas.

"Sama ada kami dapat mengulangi pencapaian baik kami pada pilihan raya umum 2004, merupakan suatu cabaran, tetapi, yang pasti, pencapaian kami akan lebih baik daripada 2008," katanya.

Sambil menafikan MIC menghadapi sabotaj secara dalaman seperti yang dialami banyak parti lain menjelang PRU13, Dr Subramaniam berkata perasaan tidak puas hati dan kecewa boleh berlaku dalam semua parti politik, tidak kira BN atau pembangkang.

"Setakat ini, dalam sejarah MIC, perkara itu (perbuatan sabotaj) tidak menjadi masalah. Pada peringkat permulaan, mungkin wujud sedikit sebanyak perasaan tidak puas hati, tapi

ia tidak membawa kepada perbuatan sabotaj, yang menghalang calon parti ini daripada mencapai kemenangan," katanya.

Pemerhati politik yakin walaupun MIC mempunyai peluang lebih cerah kali ini berbanding pada PRU12, namun ia akan hanya menjadi kenyataan sekiranya calon parti itu dilihat berfikiran terbuka dan merupakan orang yang disenangi.

"Beberapa kawasan seperti Kota Raja, Kapar dan Subang memerlukan calon yang bersemangat waja, manakala mereka yang memiliki personaliti hebat pula diperlukan di kawasan seperti Sungai Siput, Cameron Highlands, Segamat, Telok Kemang dan Hulu Selangor.

"Sekiranya calon MIC mampu mempamerkan prestasi lebih baik berbanding pada 2008, maka parti itu akan dapat bangkit semula. Tapi, sekiranya ia gagal berbuat demikian, maka parti itu perlu melakukan proses kebangkitan semula secara drastik untuk memastikannya terus relevan," kata Prof Madya Dr Sivamurugan Pandian dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Penganalisis politik dari Universiti Utara Malaysia (UUM) Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani pula berkata, gandingan antara strategi berkesan dan calon boleh menang merupakan ramuan yang boleh menjamin kemenangan MIC.

"Untuk mencatat kemenangan besar, jenteranya perlu berfungsi secara bersepadu, cekap dan berkesan, yang melibatkan MIC dan parti komponen lain," kata dekan Sekolah Pengajian Antarabangsa UUM itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944878>